

**Masyarakat India Tidak Dipinggirkan Dalam Arus Pembangunan Perdana
Bernama
27 Februari , 2012**

KANGAR, 27 Feb (Bernama) -- Masyarakat India tidak pernah dipinggirkan dalam arus pembangunan perdana malah mereka berperanan besar dalam memperkasa gagasan 1Malaysia, kata Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu.

Sehubungan itu, beliau berharap masyarakat India akan terus memberi sokongan kepada pelbagai usaha murni kerajaan dalam pembangunan negara dan kebajikan rakyat.

Berucap merasmikan program ramah mesra masyarakat India Perlis sempena pesta Ponggal di sini malam Ahad, Md Isa berkata kerajaan yang diterajui Barisan Nasional (BN) sentiasa menghormati budaya masyarakat berbilang kaum.

Katanya, pesta Ponggal adalah antara budaya yang mewarnai penyatuan masyarakat Malaysia berbilang kaum yang hidup dalam suasana harmoni.

Md Isa berkata, keharmonian dan kesejahteraan hidup yang dinikmati rakyat perlu dikekalkan dengan memastikan kerajaan yang menerajui negara terus diberi mandat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648166>